

KERTAS MODEL UASA EKSTRA

KERTAS 1 (02/1)

Skor

/60

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A

1 jam 30 minit

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling **sesuai**.

1. Budak itu menangis _____ dimarahi oleh ibunya.
A lalu
B sambil
C kerana
D manakala
2. Para sukarelawan sedang _____ barangan bantuan dari lori untuk diagihkan kepada mangsa bencana alam itu.
A memuat
B memungut
C memunggah
D memasukkan

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

3. I Nenek mengadu bahawa beberapa *anggota* badannya sakit-sakit sejak kebelakangan ini.
II Enam orang *anggota* bomba bergegas ke tempat kemalangan itu bagi membantu mangsa yang terlibat.
III Puan Zakiah memasukkan semua *anggota* masakan yang telah disediakan itu ke dalam periuk.
IV Beberapa *anggota* rumah itu musnah akibat akibat dilanda ribut petang semalam.
A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I Farisha termenung di beranda rumahnya sambil *menimba* kenangan silam.
II Pak Hussin memerhatikan anaknya, Zulhelmi yang sedang *menimba* air dari perahunya.

- III Setiap murid mestilah mempunyai keazaman dan keyakinan diri yang tinggi dalam proses *menimba* ilmu.
- IV Shahrir berhasrat untuk *menimba* pengalaman bekerja di Kuala Lumpur terlebih dahulu sebelum membuka perniagaan sendiri.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

5. Peraturan jalan raya perlu dipindahkan dan diperketatkan agar pengguna jalan raya lebih berhemah ketika berada di jalan raya.
A dipinda dan diperketat
B dipindahkan dan diperketat
C dipinda dan diperketatkan
D dipindahkan dan diperketatkan
6. Seekor rama-rama yang cantik berterbangan mengelilingi pokok bunga kertas itu.
A terbang keliling
B terbang mengelilingi
C berterbangan mengelilingi
D berterbangan mengeliling

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

7. I Di antara mereka bertiga, Khalislah yang paling pantas berlari.
II Bahagian dapur rumah nenek saya berlantaikan dengan buluh.
III Mesyuarat pertama syarikat itu telah dipengerusikan oleh Datuk Majid.

- IV Cikgu Fadzlina menasihati murid-muridnya supaya sentiasa mematuhi peraturan sekolah.
- A** I dan II sahaja **C** I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III, dan IV sahaja

- 8.** I Kebakaran sekumpulan rumah kedai itu berpunca daripada litar pintas.
II Lampu limpah di mini stadium itu terpadam secara tiba-tiba akibat masalah teknikal.
III Suasana di pasar malam itu riuh-rendah oleh suara tawar-menawar penjual dengan pembeli.
IV Puan Faridah seorang guru yang berpengalaman dalam bidang matematik.
- A** I dan II sahaja **C** I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.

- 9. Amalan rumah terbuka banyak memberikan kebaikan terutamanya dalam usaha mengeratkan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.**

- A** Nilai perpaduan di Malaysia dapat ditonjolkan melalui amalan rumah terbuka.
B Masyarakat majmuk di Malaysia akan lebih bersatu padu setelah menyertai rumah terbuka.
C Antara kemaslahatan rumah terbuka di Malaysia ialah masyarakat akan lebih menyedari peri pentingnya nilai perpaduan.
D Antara kebaikan rumah terbuka termasuklah dapat mengeratkan perpaduan antara masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

Soalan 10

Pilih **peribahasa** yang paling sesuai.

- 10.** Ibu menasihati kakak supaya memandu kereta dengan perlahan dan mengikut had laju yang ditetapkan.

Situasi di atas sama seperti

- A** masa itu emas.
B bila lambat asalkan selamat.
C hidup ini suatu perlumbaan.
D bertanggung itu pencuri masa.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Inilah hasilnya jika kita berbudi kepada tanah. Ujaran abah masih terngiang-ngiang di telinga. Dia cuba memutar pita ingatan semula. Lebih setahun lalu, petak emas ini membuak dengan rasa geram, marah dan dendam yang berkacuh dengan air mata pilu dan jiwa yang luka berdarah. Dia sangka dia sudah mengalah ketika itu. Dia hampir mahu *angkat bendera putih*. Apatah lagi kala melihat air mata yang luruh daripada mata layu emak.

“Apa yang nak dipertahankan sangat tanah tu? Semua orang dah setuju. Dia seorang saja yang tak beri kata putus. Budak ini memang nak menyusahkan orang!”

Abang Man bersuara lantang. Beberapa orang lain kelihatan ikut terangguk-angguk dan bersemangat.

Anjung rumahnya jadi ruang perbincangan. Dia berusaha menenangkan hati yang terasa seperti mahu luruh. Emak kelihatan bersusah payah berusaha menjadi hakim yang adil. Tetapi dia tidak tahu sejauh mana emak dapat terus bertahan.

“Semua orang dah setuju, Mak Wan. Anak Mak Wan seorang saja yang tolak tuah. Dek sebab dua petak tu, semua kerja tergendala. Mak Wan tolonglah nasihatkan anak bujang Mak Wan ni.”

Kali ini Abang Man bersuara lembut sambil merenung wajah emak.

Emak masih menekurkan pandangan ke lantai. Tuk Ketua yang tersandar di dinding sekadar menelinga, seboleh-bolehnya mungkin tidak mahu campur tangan. Dia masih kekal sebagai pendamai dan pemerhati.

Dipetik daripada cerpen “Menuai Emas”, antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Berdasarkan petikan, frasa *angkat bendera putih* membawa maksud
- ingin berdamai.
 - mengaku kalah.
 - meneruskan peperangan.
 - menunjukkan kemenangan.

12. Inilah hasilnya jika kita berbudi kepada tanah.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah peribahasa yang sesuai?

- Masa itu emas
- Usaha tangga kejayaan
- Sehari selembur benang, lama-lama jadi sehelai kain
- Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna

13. "Semua orang dah setuju, Mak Wan. Anak Mak Wan seorang saja yang tolak tuah. Dek sebab dua petak tu, semua kerja tergendala. Mak Wan tolonglah nasihatkan anak bujang Mak Wan ni."

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah persoalan yang paling tepat dengan pernyataan tersebut?

- Seseorang yang mempertahankan tanah miliknya

- Lulusan universiti yang bekerja makan gaji sahaja
- Kejayaan akan terhasil dengan ilmu, kegigihan, dan kesabaran
- Golongan muda yang tidak berminat untuk mengusahakan penanaman padi

14. Apakah yang dilakukan Abang Man di anjung rumah Mak Wan?

- Menandatangani surat pembelian tanah milik Alif.
- Meminta Mak Wan supaya memujuk Alif menjual tanah miliknya.
- Meminta Tuk Ketua supaya memujuk Alif menjual tanah miliknya.
- Menggunakan kekerasan dengan memaksa Alif menjual tanah miliknya.

15. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan cerpen di atas?

- Alif mudah gelap mata apabila ditawarkan wang yang lumayan.
- Abang Man seorang yang panas baran setelah kemahuannya tidak dituruti.
- Tuk Ketua turut masuk campur dalam pertikaian antara Abang Man dengan Alif.
- Alif tidak kuat untuk mempertahankan tanah miliknya setelah dipaksa oleh Abang Man.

Bahagian B

[30 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Semua murid menengah rendah wajib mempelajari tata bahasa dalam subjek Bahasa Melayu di sekolah.

- (ii) Atlit yang memperoleh pingat emas dalam kejohanan Sukan SEA akan diberikan ganjaran berupa wang tunai oleh Majlis Sukan Negara.

[2 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pada hujung minggu, banyak orang berkunjung ke pusat membeli-belah tersohor itu.

- (ii) Kesan terhadap ekosistem di kawasan pedalaman itu perlu dianalisa sebelum pembangunan dilakukan di kawasan itu.

[2 markah]

3. Baca arahan dengan telitinya dan jawab soalan yang diberikan.

Nyatakan **pola ayat dasar** bagi setiap ayat di bawah ini sama ada **Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)**, **Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA)**, dan **Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS)**.

(i) Poskad-poskad ini daripada rakan baiknya yang tinggal di New Zealand.

(ii) Umar berlari dengan pantasnya semasa menyertai acara 400 meter dalam kejohanan olahraga itu.


(iii) Haniza sangat gembira apabila melihat keputusannya yang cemerlang dalam Ujian Akhir Sesi Akademik.

(iv) Ayah Farhana ialah guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Pondok Upeh.

[4 markah]

4. Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya.

Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** kata hikmat yang sesuai.



(i)



(ii)

[2 markah]

5. Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

“Dua hari sebelum itu, dia bercerita kepada jiran-jiran. Katanya, saya kirimkan makanan semasa banjir melanda. Seronok sangat dia dengan kiriman saya.”

Nana sebak dalam tanda soal. Matanya menyimpan takungan. Tidak seperti mata Arwah Mak Piah yang banjir dengan kebahagiaan.

“Tapi saya tak pernah kirim apa-apa kepada mak. Tak pernah telefon, sebab mak memang tak berapa dengar. Kalau tak tengok muka, tak perhati gerak bibir, dia tak faham.”

Saya membiarkan Nana meluahkan emosi. Matanya bertakung ladungan air.

“Mulianya hati mak. Sanggup berbohong kepada masyarakat. Mak julang nama saya, anak yang tak bertanggungjawab ini. Saya tak pernah hantar makanan, apatah lagi buah, barang dapur ... tak pernah pun. Saya tak bagi apa-apa. Sungguh.”

Dipetik daripada cerpen “Banjir di Mata Emak”, antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Tetamu berundur pulang dengan muka kelat. Menungan emak berlarut-larutan. Kemuncaknya, Alif nampak emak mengelus pipi yang beranak sungai. Hati emak terhiris. Air mata itu tanda emak terluka dengan tajamnya pisau kata-kata orang. Tidak sanggup dia melihat air mata emak menitik lagi.

“Kalau emak mahu saya lepaskan dua petak tu, saya akan lepaskan.”

Dalam lemah mengalah, Alif kuatkan hati untuk bersuara.

“Siapa kata mak suruh lepaskan?” Emak menjegil.

“Saya tak mahu tengok mak sedih. saya tak mahu tengok mak menangis. Saya tak sanggup biarkan mak dengar orang kata saya tak lulus universiti,” kata Alif dengan nada merendah.

“Mak boleh fikir sendiri, Alif. Kan mak sendiri yang hadir waktu kamu ambil ijazah di atas pentas tahun lepas. Cuma emak ni teringatkan arwah abah kamu,” balas emak, makin liris.

Lalu kata-kata emak itu jadi penawar terbaik buat Alif.

Dipetik daripada cerpen “Menuai Emas”, antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2 di atas, nyatakan sikap emak Nana dan emak Alif.

[3 markah]

- (ii) Berikan dua **pengajaran** yang terdapat dalam Bahan 1.

[3 markah]



Bahagian B

[30 markah]

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

BERCUTI DI MALAYSIA



Monumen Bersejarah



Pantai yang Indah



Aktiviti Menarik



Kepelbagaian Budaya

1. Anda telah bercuti bersama-sama keluarga semasa cuti sekolah yang lalu. Ceritakan pengalaman anda bercuti bersama-sama keluarga.
2. Malaysia terkenal sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Huraikan pendapat anda tentang keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dunia.
3. Anda telah menyertai pertandingan syarahan di sekolah. Tajuk syarahan anda ialah "Usaha-usaha untuk Memajukan Sektor Pelancongan Negara". Tulis teks syarahan anda itu selengkapnya.

